



**Anglican Diocese of Sabah**  
圣公会沙巴教区  
**Anglikan Diosis Sabah**

WISMA ANGLICAN  
JALAN LEE TET PHUI  
88000 KOTA KINABALU  
SABAH, MALAYSIA

DOS/BSP/4a/01/MT:dd/20-157

1 Julai 2020

Kepada para Paderi dan Pastor serta anggota-anggota DSC

**PEMBUKAAN SEMULA SEMBAHYANG UMUM SEMASA PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Salam dalam Nama yang Maha Mulia, Tuhan kita Yesus!

Saya pasti bahawa anda sedar akan Prosedur Operasi Standard atau SOP bagi tempat-tempat sembahyang bukan Muslim yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk tempoh antara 10 Jun hingga 31 Ogos 2020 di bawah PKPP. Saya sangat menghargai tindakan-tindakan penuh teliti yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membendung dan mengalahkannya wabak Covid-19 ketika ini.

Selepas berbincang dengan paderi senior dari Diosis kita, saya telah memutuskan untuk membuka semula sembahyang umum di bangunan-bangunan gereja kita **PADA 1 OGOS 2020**. Sekiranya gereja-gereja tidak bersedia dan tidak dapat memenuhi SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan dan panduan-panduan melakukan kebaktian yang dikeluarkan oleh Diosis kita, maka rektor dan para paderi/pastor penguasa bersama dengan PCC, bolehlah memutuskan untuk memulakan kebaktian pada tarikh yang kemudian dalam gereja masing-masing. Semua rektor dan paderi/pastor penguasa hendaklah memaklumkan pejabat Diosis tentang tarikh yang dirancang untuk membuka semula sembahyang umum pada atau sebelum 20 Julai 2020. Sebuah ringkasan tentang SOP dan panduan-panduan melakukan kebaktian akan disertakan untuk panduan anda. Sila ikuti panduan yang diberikan dengan sewajarnya.

Semoga Tuhan memberkati anda dan domba-domba yang dikasihinya di bawah jagaan kita dengan hadirat-Nya, kekuatan dan penghiburan-Nya.

Dengan segala berkat dalam Kristus

**Archbisyop Datuk Melder Jiki Tais**  
Archbisyop Provinsi Gereja Anglikan Selatan Asia Tenggara  
Bisyop Sabah

**Sebuah “normal baharu” untuk memberikan Perjamuan Suci.  
Beberapa cadangan untuk pertimbangan:**

1. Air Anggur disediakan dari satu atau lebih cawan:
  - 1.1 Pemimpin memberikan perjamuan kepada penerima perjamuan di tempat duduk mereka; untuk meminimumkan pergerakan jemaat. Pemimpin melayani kepada setiap penerima roti dan air anggur (roti dicelup ke dalam cawan air anggur), tanpa kontak fizikal – diletakkan pada tapak tangan mereka. Penjarakan sosial kekal diamalkan sepanjang masa.
  - 1.2 Penerima perjamuan suci terus bergerak ke depan dan menerima roti dan air anggur dari pemimpin (roti dicelup ke dalam cawan air anggur), tanpa kontak fizikal – diletakkan pada tapak tangan mereka. Mereka memakannya dan kembali ke tempat duduk. Penjarakan sosial kekal diamalkan sepanjang masa.
- 2 Air anggur disediakan dalam banyak cawan kecil:
  - 2.1 Pemimpin dan seorang pembantu, mendekati penerima perjamuan suci **di tempat duduk mereka**. Pemimpin memberikan roti sementara pembantunya memberikan air anggur, disediakan dalam cawan-cawan kecil atas sebuah talam. Penerima perjamuan menerima roti dan mengambil sebuah cawan kecil yang mengandungi air anggur dari talam tersebut dan meminumnya. Pemimpin boleh juga memilih untuk semua orang memakan bersama-sama selepas diagihkan.
  - 2.2 Penerima perjamuan terus ke depan dan menerima roti dari pemimpin dan air anggur (dalam cawan-cawan kecil) dari pembantunya. Memakannya dan kembali ke tempat duduk.